

STRATEGI PEMERKASAAN BAHAGIAN KHIDMAT NASIHAT KELUARGA (BKNK) DALAM MENGENDALIKAN KRISIS RUMAH TANGGA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Siti Nazihah binti A. Hanni @ Zalanni⁷

Azme Matali⁸

Abstrak

Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK) merupakan satu lembaga khusus yang bertujuan membantu masyarakat Islam di Brunei untuk menyelesaikan masalah pertikaian rumah tangga, di peringkat awal dengan memberikan nasihat dan bimbingan kepada pasangan. Namun, peranan bahagian ini dipersoalkan apabila kadar statistik perceraian dilihat semakin meningkat setiap tahun di Negara Brunei Darussalam. Penulisan ini bertujuan untuk meneliti strategi pemerksaan BKNK dalam mengendalikan krisis rumah tangga. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian kepustakaan melalui analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa BKNK mempunyai strategi pemerksaan dalam mengendalikan krisis rumah tangga iaitu; 1) BKNK sebagai satu badan pengukuhan institusi keluarga yang berkompentensi dalam merealisasikan maksud '*al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*'; 2) Mempunyai tata cara pengendalian Aduan Mal yang khusus serta garis panduan sesi khidmat; 3) Menggunakan pendekatan Islamik dan kemahiran teori bagi menyelesaikan masalah rumah tangga; 4) Menjalankan kursus dan program kekeluargaan sebagai cara penyelesaian krisis rumah tangga. Hakikatnya, kejayaan BKNK mendamaikan pasangan merupakan pencapaian yang terhasil daripada keberkesanan pengurusan krisis rumah tangga. Sebagai cadangan, kajian ini mencadangkan pihak BKNK untuk melaksanakan program Kursus Pasca Perkahwinan dengan memberikan keutamaan kepada pasangan yang telah berkahwin melebihi tempoh 10 tahun sebagai salah satu cara untuk mengurangkan kadar perceraian.

Kata kunci: Strategi pemerksaan, Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK), krisis rumah tangga.

⁷ Pelajar Doktor Falsafah Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). E-mail: ¹nazihahhanni@gmail.com

⁸ Penolong Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang dan Pengarah, Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). E-mail: azme.hjmatali@unissa.edu.bn.

PENDAHULUAN

Islam mempunyai tatacara tersendiri untuk menjaga kemaslahatan hidup dan untuk memastikan kualiti sesebuah rumah tangga yang dibina dalam suasana harmoni dan diredhai Allah *Subhanahu Wata'ala*. Menurut (Abu Zahrah, 1957), perkawinan itu ialah tiang kekukuhan sesebuah keluarga yang boleh membawa kepada kemunculan hak-hak dan kewajiban dan berlandaskan kepada agama,

Allah SWT berfirman dalam surah *ar-Rūm* ayat 21:

﴿وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ
بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ﴾ [الروم: 21]

Maksudnya: “Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya diantaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.

Berdasarkan ayat di atas, isteri diumpamakan sebagai pakaian untuk suami. Jika baik suaminya, maka baiklah pasangannya. Allah SWT juga telah menciptakan sebaik-baik pasangan untuk menciptakan ketenangan apabila bersama seterusnya mampu membina karakteristik keluarga yang *sakinah mawaddah wa rahmah*. Jika berlaku permasalahan dalam keluarga, pasangan mestilah berkomunikasi dengan baik dan memiliki pemikiran matang serta bijak dalam membuat keputusan supaya terbentuklah keluarga sakinah.

Akan tetapi, kenyataan yang terjadi dalam masyarakat, perkahwinan boleh berakhir dengan terjadinya perceraian antara suami isteri. Akhirnya tujuan *sakinah, mawaddah* dan *rahmah* dalam perkahwinan tidak berlaku. Islam menghalalkan perceraian tetapi merupakan perkara halal yang paling dibenci atau dikutuk oleh Allah SWT (Mat Saad, 1993). Islam mengharuskan perceraian jika pertelingkahan antara suami isteri semakin memburukkan lagi keadaan sebagaimana yang terdapat di dalam Hadith daripada Muharib bin Ditsar Radhiallahu Anhu daripada Ibn Umar:

"عن محارب بن دثار عن ابن عمر -رضي الله عنهما- عن النبي -صلى الله عليه وسلم-: (قال رسول الله صلى الله عليه وسلم أبغض الحلال إلى الله الطلاق)"
 Maksudnya: daripada Muharib bin Ditsar r.a. daripada Ibn Uma dia berkata: "Rasulullah s.a.w. bersaba perkara halal yang paling dibenci oleh Allah Azza Wajallah ialah talak".
 Hadith riwayat Abi Dawud dalam sunannya [Kitab al-Talaq, No. Hadith (2178)] dan Al-Baihaqi dalam Sunan al-Kubra (7/322).

Terjemahan Hadith di atas jelas menggambarkan apabila pasangan mengalami masalah perlulah berbincang bagi mengelakkan sesuatu keputusan dibuat secara terburu-buru (al-Baihaqi, 1990). Jika situasi bertambah buruk dalam sebuah rumah tangga, pasangan harus mencari perdamaian melalui campur tangan orang perantaraan bersesuaian dengan aturan yang disarankan oleh Islam sebagaimana dalam firman Allah SWT di dalam Surah al-Nisa: 35:

﴿وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهَا
 إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَفِّقِ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا﴾

[النساء: 35]

"Kalau takut-takut perselisihan antara kedua-dua suami isteri hendaklah kamu dapatkan seorang hakim daripada keluarga lelaki dan seorang hakim dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua hakim itu menghendaki perdamaian, nescaya Allah s.w.t. akan memberikan taufiq kepada kedua-dua suami isteri itu. Sesungguhnya Allah maha mengetahui".


Walaupun perceraian adalah pengakhiran bagi sebuah perkahwinan, keluarga yang dibina tidak pernah terputus atau terpisah, malah ia berkembang terutama keluarga mertua dan anak-anak. Pada saat kesulitan ini, pasangan bermasalah perlu dibantu bagi mengukuhkan hubungan perkahwinan mereka dengan menyedarkan mereka akan impak perceraian. Selain itu, mereka juga perlu dibimbing dengan memberikan motivasi dan kaunseling mengenai prinsip-prinsip yang diperlukan untuk

membina keluarga Sakinah. Dalam konteks masyarakat Islam di Brunei secara praktikalnya, bagi membantu pasangan bermasalah dalam perkahwinan, Unit Khidmat Nasihat Keluarga dipertanggungjawabkan untuk menangani masalah-masalah intitusi kekeluargaan melalui perkhidmatan nasihat keluarga.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga telah ditubuhkan di Daerah Brunei dan Muara, pada akhir tahun 1970an dikenali sebagai Unit Khidmat Nasihat Keluarga. Beberapa tahun kemudian cawangan di daerah-daerah ditubuhkan secara berperingkat-peringkat. Pada tahun 1991, Unit ini diletakkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES), setelah dipisahkan dari pentadbiran Pejabat Kadi Daerah Brunei dan Muara yang diketuai oleh seorang Pegawai Ugama Kanan. Pada akhir tahun 1999, Unit ini telah dinaikkan tarafnya menjadi salah sebuah Bahagian di bawah Jabatan Hal Ehwal Syariah dan dikenali sebagai Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (KHEU, 2021). Bahagian ini mempunyai matlamat untuk membentuk keluarga yang harmoni (al-sakinah) berasaskan kasih sayang (al-mawaddah) wa ar-rahmah (belas kasihan), merukunkan krisis rumah tangga untuk menuju kearah keharmonian hidup berkeluarga ‘Baiti-Jannati’ berlandaskan Syari’at Islam. BKNK merupakan salah sebuah bahagian di bawah JHES (KHEU, 2021), struktur pentadbiran BKNK adalah seperti berikut:

Rajah 1: Struktur Pentadbiran BKNK



Ruang lingkup tugas bahagian ini adalah bertanggungjawab memberikan khidmat nasihat berhubung hal ehwal kekeluargaan, perkahwinan, perceraian dan poligami kepada orang ramai yang memerlukannya, memberikan kursus motivasi kekeluargaan dan Kursus Kefahaman Keluarga Pra-Nikah kepada bakal-bakal pengantin. Walaupun perkhidmatan nasihat di BKNK telah lama diwujudkan namun masalah perceraian, krisis rumah tangga masih berlaku bahkan meningkat setiap tahun. Berikut merupakan statistik faktor berlakunya krisis rumah tangga yang dikemukakan berdasarkan aduan-aduan masalah yang direkodkan di BKNK;

Jadual 1: Statistik Kes Mal/Aduan (2014-2020)

NO. ADUAN	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	JUMLAH
TAHUN															
2014	283	195	46	25	9	14	10	9	50	13	20	5	0	15	694
2015	229	205	41	44	6	6	12	6	30	13	18	5	0	24	639
2016	240	149	59	34	12	16	23	24	40	33	42	20	0	31	723
2017	173	143	99	49	7	25	14	12	60	22	0	7	59	67	737
2018	166	114	82	32	8	19	25	22	80	25	36	11	60	55	735
2019	204	122	87	43	8	21	19	22	55	25	50	3	80	71	810
2020	206	131	47	22	2	34	17	15	27	21	16	4	58	75	675
JUMLAH	1501	1059	461	249	520	135	120	110	342	152	182	552	257	338	5013
PERATUS	29.9	21.1	9.2	5.0	1.0	2.7	2.4	2.2	6.8	3.0	3.6	1.1	5.1	6.7	

<i>NOMBOR ADUAN</i>	<i>KATEGORI ADUAN</i>
<i>1</i>	Ketidaksefahaman
<i>2</i>	Pengabaian nafkah
<i>3</i>	Hubungan dengan orang lain
<i>4</i>	Suami memukul isteri (keganasan dalam rumah tangga)
<i>5</i>	Masalah poligami
<i>6</i>	Suami / Isteri balik ke Negara asal / Ghaib / Tidak diketahui
<i>7</i>	Terlibat dengan Dadah / Islah
<i>8</i>	Masuk Penjara
<i>9</i>	Isteri tidak ta'at/ Isteri Keluar Rumah (Tanpa Izin)
<i>10</i>	Suami pemarah / panas baran
<i>11</i>	Sering Bertengkar
<i>12</i>	Camputangan keluarga
<i>13</i>	Tidak Bersekedudukan dalam tempoh yang lama
<i>14</i>	Sebab-sebab lain

Sumber: Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK)

Berdasarkan statistik aduan daripada pihak BKNK, aduan-aduan berhubung krisis rumah tangga yang diterima disebabkan faktor ketidaksefahaman telah mencatatkan jumlah yang tertinggi dengan kadar 29.9% sepanjang tahun 2014 hingga 2020. Kadar jumlah aduan ini memperlihatkan banyak pasangan telah menghadapkan aduan ke BKNK untuk mendapatkan perkhidmatan nasihat keluarga sebagai usaha menyelesaikan krisis rumah tangga. Statistik telah memaparkan peningkatan aduan yang tidak sekata sejak 5 tahun kebelakangan namun peningkatan yang ketara adalah pada tahun 2019 yang telah menerima sebanyak 810 aduan. Berdasarkan statistik juga, faktor pengabaian nafkah dan tanggungjawab telah mencatatkan jumlah aduan kedua tertinggi dengan kadar purata 21.1%., seterusnya, aduan disebabkan hubungan dengan orang lain mencatatkan kadar purata 9.2%. Adapun terdapat perbezaan antara kedudukan faktor kedua dan ketiga dengan kadar 11.9%. Ini menunjukkan aduan disebabkan faktor 'ketidaksefahaman' dan 'pengabaian nafkah' merupakan krisis rumah tangga paling dominan berlaku dalam kalangan masyarakat Brunei. Statistik telah memperlihatkan pelbagai bentuk krisis rumah tangga telah berlaku di dalam institusi kekeluargaan di Negara Brunei Darussalam. Fenomena ini secara tidak langsung menimbulkan kebimbangan serta memerlukan perhatian daripada pelbagai pihak untuk mengambil tindakan yang seterusnya.

3.0 PENYATAAN MASALAH KAJIAN

Institusi Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK), JHES kini mengalami fenomena membimbangkan dengan peningkatan kadar perceraian. Berikut adalah statistik perceraian yang dikemukakan oleh Mahkamah Syariah;

Jadual 2: Statistik Perceraian Penduduk Islam mengikut Daerah Tahun 2015-2020

Daerah	2015	2016	2017	2018	2019	2020	Jumlah	Peratus (%)
Brunei Muara	370	369	436	358	459	380	1992	65.8
Belait	79	88	97	79	82	105	530	17.5
Tutong	67	80	54	69	73	90	433	14.3
Temburong	8	12	23	14	8	7	72	2.4
Jumlah	524	550	610	522	624	583	3027	

Sumber: Statistik Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri dan Statistik Mahkamah Syariah

Peningkatan jumlah perceraian terus meningkat dalam enam tahun kebelakangan ini, negara Brunei mencatatkan jumlah perceraian sebanyak 524 kes perceraian pada tahun 2015, 550 kes pada tahun 2016, pada 2017 sebanyak 587 kes perceraian, 2018 sebanyak 522 kes dan meningkat kepada 624 kes pada tahun 2019 serta 583 kes pada tahun 2020. Daripada jumlah kes perceraian ini, Daerah Brunei Muara mencatatkan kadar perceraian yang berlaku sebanyak 65.8% sepanjang tahun 2015 hingga 2020, peningkatan yang sangat membimbangkan jika dibandingkan dengan daerah-daerah yang lain; iaitu Daerah Belait sebanyak 17.5%, Daerah Tutong sebanyak 14.3% dan Daerah Temburong sebanyak 2.4%. Menurut Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, beliau berucap semasa Seminar Mu'tamar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah 2021 (Muafiq) Sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 9 Jun 2021, beliau mendedahkan bahawa keruntuhan rumah tangga mengakibatkan angka perceraian semakin meningkat. Menurutnya lagi, angka ini menunjukkan seolah-olah perkahwinan tidak dipandang serius dan menunjukkan persiapan serta persediaan suami isteri ke arah keluarga *sakinah* dan *mawaddah* belum mencukupi. Apabila pasangan menghadapi krisis rumah tangga,

keharmonian rumah tangga boleh terganggu. Seterusnya, perceraian boleh berlaku apabila tiada penyelesaian dilakukan.

Oleh yang demikian, dengan peningkatan kadar jumlah perceraian dan semakin berleluasanya fenomena krisis rumah tangga, jelas memperlihatkan keadaan masyarakat kini memerlukan perhatian. Adapun dengan perubahan masa dan zaman menyebabkan peranan Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga semakin mencabar. Pemeraksanaan perkhidmatan nasihat keluarga perlu dijana melalui sistem pengurusan yang lebih profesional. Oleh itu, kajian ini akan meneliti strategi pemeraksanaan BKNK dalam mengendalikan krisis rumah tangga di Negara Brunei Darussalam.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunapakai adalah melalui pendekatan kualitatif dengan melakukan pengumpulan maklumat analisis dokumen. Teknik pengumpulan data dalam kajian ini adalah kajian analisis dokumen. Metode dokumentasi ini juga akan melibatkan dokumen, pamflet atau statistik kes atau statistik aduan daripada pihak BKNK dan buku buku-buku yang berkaitan dengan pengurusan krisis rumah tangga. Pendekatan analisis data yang dipilih dalam kajian ini ialah teknik analisis deskriptif.

Perkhidmatan nasihat keluarga di dalam institusi keluarga menurut perspektif Islam

Dalam penyelesaian pertikaian tanpa melalui prosedur perundangan secara formal dikenali sebagai *Sulh*. Masyarakat Arab pada zaman pra Islam mengaplikasikan konsep ini melalui kaedah tahkim sebagai amalan tradisi masyarakat mereka dan sebagai jalan penyelesaian berhubung pertikaian kekeluargaan, pertikaian komersial atau pertikaian kabilah.

Pernyataan Imam al-Syafi'i berikut dapat dilihat dalam kitabnya *al-Umm*:

"(قال الشافعي) فإذا ارتفع الزوجان المخوف شقاقهما إلى
الحاكم فحق عليه أن يبعث حكما من أهله وحكما من أهلها
من أهل القناعة والعقل ليكشفأ أمرهما ويصلحا بينهما إن قدرا

(قال) وليس له أن يأمرهما يفرقان إن رأيا إلا بأمر الزوج ولا يعطيا من مال المرأة إلا بإذنها"

Maknanya: Imam al-Syafi'i berkata: "Apabila dua orang suami isteri yang kkuatir terjadi persengketaan di antara keduanya mengadu kepada hakim, maka kewajipan hakim mengutus seorang *hakam* dari keluarga si perempuan dan seorang *hakam* dari keluarga laki-laki, termasuk orang yang soleh dan berakal/berfikir supaya keduanya meleraikan urusan dua orang suami isteri itu, dan keduanya mendamaikan antara dua suami isteri jika keduanya mampu. Imam al-Syafi'i, berkata: Hakim tidak berhak dua orang *hakam* untuk menceraikan dua orang suami isteri meskipun keduanya berpendapat demikian kecuali dengan perintahan suami." (Al-Syafi'i, t.th)

Kaedah tahkim di dalam pernyataan Imam al-Syafi'i ini memaparkan bahawa jika ada pertelingkahan antara suami isteri, maka pertelingkahan itu akan dirujuk kepada jurudamai yang dipanggil *hakam* untuk mewakili pihak masing-masing. Menurut Imam Abu Hanifah, Imam al-Syafi'i dalam salah satu pendapatnya dan Imam Ahmad dalam satu riwayatnya, berpendapat bahawa *hakam* adalah orang yang mendapat kepercayaan (wakil). Sementara menurut penduduk Madinah, Imam Malik, Imam Syafi'i dalam pendapatnya yang lain, dan Imam Ahmad dalam satu pendapatnya menyebutkan bahawa *Hakam* adalah dua orang hakim (Al-Jauziyyah, 2008). Manakala menurut (Al-Mawardi, t.th), salah satu ulama mazhab Syafi'i menyebutkan makna *hakam* masih diperdebatkan di kalangan para ulama.

Sejak era dakwah Nabi Muhammad s.a.w, baginda berperanan sebagai rujukan umat Islam, membimbing dan membantu umat Islam untuk memahami, serta menyelesaikan krisis rumah tangga yang dihadapi. Adapun bantuan ini tidak dikenali sebagai perkhidmatan kaunseling, sebaliknya lebih terkenal dengan nama sistem *hisbah*. *Hisbah* menurut syarak adalah sebagai amalan yang bertanggungjawab meninjau, mentadbir, menyelaras dan memastikan semua kerja seseorang mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan dalam al-amr bi al-makruf wa al-nahy 'an al-munkar (Mardzelah, 2008). Pelaksanaan *hisbah* bermula dalam bentuk amalan sebagaimana yang diketengahkan oleh Rasulullah SAW (Al-Hasib, 1990). Kemudian, ia berkembang menjadi sebuah badan, jabatan dan akhirnya dibentuk menjadi sebuah institusi yang utama dalam

sistem pentadbiran Islam. Situasi dan perkembangan *hisbah* yang berlaku pada era Islam ini memperlihatkan pentingnya pengalaman dan pelaksanaan *hisbah* dilakukan secara sistematik dalam sesebuah perurusan dan pentadbiran Islam (Azrin Ibrahim, 2017).

Walaupun sistem *hisbah* tidak dilaksanakan secara formal pada zaman Rasulullah, akan tetapi menurut Imam al-Mawardi, ia berjaya membentuk anggota masyarakat Islam untuk mempraktikkan amalan menghormati, berkasih sayang dan bertimbang rasa (Yatimah Sarmani, 2005), Sementara itu, fungsi *hisbah* adalah untuk mengajak manusia untuk berbuat kepada perlakuan baik (ma'ruf) dan mencegah daripada perlakuan keji dan mungkar yang bertentangan dengan syariat Islam. Hal ini bertepatan dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali Imran:104;

﴿وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

﴿ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴾ [آل عمران: 104]

Bermaksud: "Hendaklah ada dari kalangan kamu satu golongan yang mengajak (manusia) melakukan perbuatan yang baik dan menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar"

Dalam hal ini, *Hisbah* sebagai mengajak kepada makruf dan mencegah dari perkara munkar, telah merangkumi institusi-institusi yang lain termasuklah orang awam yang menjalankan tugas tersebut. Menurut Imam al-Juwayni beliau menyatakan bahawa kesemua bahagian syariah Islam adalah terangkum di bawah tugas '*al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*' (Al-Juwayni, 1979).

Adapun dalam arus pembangunan masa kini, fenomena semasa dalam masyarakat telah mencabar keutuhan institusi kekeluargaan di serata dunia termasuklah negara Brunei melalui perubahan budaya, ekonomi, pendidikan dan politik yang secara langsung atau tidak disedari sedikit sebanyak telah mempengaruhi hubungan suami isteri, anak-anak dan ahli keluarga yang lain. Keluarga khususnya mengalami pergolakan dan perubahan yang hebat disebabkan berada di tengah-tengah kemajuan teknologi, industri dan sebagainya. Islam telah menyatakan bahawa jika berlaku perselisihan antara suami dan isteri sehingga dikhuatiri menimbulkan permusuhan dan membawa kepada kehancuran rumah tangga maka hendaklah diadakan perdamaian antara keduanya melalui

orang tengah (Sayyid Sabiq, 1970). Oleh itu, penyempurnaan tugas *hisbah* dalam merealisasi '*al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*' memainkan peranan penting dan ia dapat dilihat melalui amalan dan praktis perkhidmatan nasihat keluarga di BKNK dengan mengadakan perkhidmatan nasihat keluarga untuk mencegah keburukan iaitu perceraian daripada berlaku.

Pada hakikatnya, Islam telah menganjurkan prinsip-prinsip tertentu untuk membentuk, mengekal dan memperbaiki sesebuah rumah tangga. Tetapi dari segi tekniknya atau pendekatannya hendaklah disesuaikan dengan keadaan semasa. Oleh yang demikian, dalam konteks masyarakat kini, pendekatan melalui perkhidmatan nasihat institusi keluarga telah digunakan bagi penyelesaian kepada masalah kekeluargaan serta pada masa yang sama untuk mengukuhkan institusi kekeluargaan. Perkhidmatan nasihat keluarga merupakan keperluan kepada masyarakat dan ia merupakan satu bentuk perkhidmatan bagi penyelesaian kepada masalah dan konflik rumah tangga (Capuzz & Gross, 1991), Oleh yang demikian, pemerkasaan perkhidmatan nasihat keluarga perlu dijana melalui sistem pengurusan yang lebih professional melalui strategi yang bersesuaian.

Strategi pemerkasaan BKNK dalam mengendalikan krisis rumah tangga

Pemerkasaan merupakan proses tindakan sosial yang terjadi pada beberapa tahap atau peringkat seperti individu, keluarga, organisasi dan masyarakat (Freire. P., 1970; Jones & Meleis. A., 1993). Strategi pemerkasaan dianggap satu indikator penting untuk melihat keberkesanan perkhidmatan nasihat keluarga bagi pengukuhan institusi keluarga. Oleh itu, beberapa aspek penting dalam konteks strategi pemerkasaan BKNK diteliti seperti berikut;

- 1) **BKNK sebagai satu badan pengukuhan institusi keluarga yang berkompentensi dalam merealisasikan maksud '*al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*'**

'*Al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*' bermaksud mengajak manusia melakukan perkara kebaikan dan mencegah daripada keburukan. BKNK mengukuhkan institusi keluarga dengan cara memberikan bantuan perkhidmatan kepada pasangan yang menghadapi krisis rumah tangga. Objektif BKNK direalisasikan dengan pemberian khidmat nasihat kepada

orang ramai yang memerlukan berhubung dengan hal ehwal kekeluargaan, perkahwinan, perceraian dan poligami melalui ceramah, taklimat, forum, bengkel dan sebagainya. Oleh kerana BKNK dikenali sebagai satu badan pengukuhan Institusi keluarga, maka badan ini perlulah menjalankan tugas dan tanggungjawab berpaksikan kepada Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Penggagal 217) iaitu menggunakan Bab 42 cerai (6), (7), (8), (9), (10), (11), (12), (13) dan Bab 46. Berdasarkan kepada Surah Ali-Imran ayat 104, Imam al-Ghazali telah menjelaskan bahawa di dalam ayat ini terdapat penjelasan mengenai kewajipan yang harus dilakukan oleh satu kelompok yang memiliki kuasa agar berbuat baik terhadap rakyat, dan jika tiada seorang pun dari suatu negara mengambil inisiatif untuk melakukan perbuatan baik tersebut maka kaum muslim setempat dianggap berdosa (Al-Ghazali, t.th).

Tugas pihak BKNK juga melaksanakan program Kursus Pra-Perkahwinan yang wajib bagi pasangan sebelum mendirikan rumah tangga untuk memberi maklumat serta pendedahan awal kepada bakal suami isteri. Kursus ini dapat meningkatkan kefahaman dan penghayatan ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah. Inisiatif ini digerakkan adalah sebagai satu usaha untuk mengurangkan kadar perceraian dan mewujudkan masyarakat yang harmoni. Adapun Kursus Pra Nikah mengandungi beberapa pengisian seperti pensyariatan perkahwinan, hak dan tanggungjawab suami isteri dalam keluarga, krisis rumah tangga dan talaq dan rahsia kebahagiaan rumah tangga. Manakala proses pengendalian Kursus Pra Nikah adalah bermula dari menerima pendaftaran peserta, menetapkan tarikh kehadiran, memastikan kehadiran peserta, menandatangani borang kehadiran yang lengkap dan menyerahkan borang dan sijil tamat kursus untuk mengeluarkan sijil nikah (KHEU, 2021). Proses ini menunjukkan bahawa setiap pasangan perlu menjalani Kursus Pra Nikah untuk mendapatkan sijil nikah mereka. Berikut adalah rumusan carta alir bagi proses pengendalian Kursus Pra Nikah;

Rajah 2: Rumusan carta alir proses pendendalian Kursus Pra Nikah



Selain daripada itu, BKNK turut bekerjasama dengan berbagai agensi-agensi kerajaan bagi memudahkan pengurusan krisis rumah tangga serta mendapatkan maklumat klien yang berkaitan. Perkhidmatan nasihat keluarga diwujudkan di ABDB memainkan peranannya bagi menjaga kesejahteraan tentera ABDB. Adapun keluarga yang sedang berhadapan dengan krisis memerlukan bantuan profesional dari segi pendidikan, psikologi, perubatan, undang-undang dan sokongan sebagai peranan dan perundingan (Kausyliene, A., dan et.al, 2015). Dari aspek kompetensi perkhidmatan nasihat keluarga dalam membantu menangani masalah kekeluargaan, (Ikram Nokman, 2021) menyatakan bahawa Khidmat Nasihat Keluarga di JAMA'AT khususnya Sel Pembangunan dan Bimbingan Rumah tangga (PBRT) yang berlandaskan Islam mampu untuk membantu anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dengan memberikan khidmat nasihat kepada pasangan yang ingin menambah baik diri dalam membina keluarga yang sentiasa berlandaskan ajaran Islam.

Oleh yang demikian, jelaslah kompetensi perkhidmatan khidmat nasihat keluarga mampu merealisasikan maksud '*al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*' kerana ia dilihat sebagai satu pendekatan bagi membantu orang awam dan mereka yang menghadapi masalah kekeluargaan. Manakala, beberapa agensi kerajaan yang mewujudkan unit kaunseling merupakan salah satu cara untuk memperluaskan usaha memberi perkhidmatan nasihat dan peringatan kepada orang ramai bagi kesejahteraan pembangunan institusi keluarga. BKNK dengan fungsi dan tanggungjawabnya perlu memastikan keberkesanan perkhidmatan yang disediakan disesuaikan dan diselaraskan dengan situasi kehidupan masyarakat pada masa ini agar bahagian ini mampu memberikan mutu perkhidmatan yang berkualiti.

2) Mempunyai tata cara pengendalian Aduan Mal yang khusus serta garis panduan perjumpaan sesi khidmat nasihat.

BKNK mempunyai tata cara tersendiri dalam pengendalian Aduan Mal sebagai peranan dan tugas utama yang signifikan untuk membantu pasangan bermasalah mengukuhkan hubungan dalam perkahwinan atau menyelesaikan masalah dengan cara yang terbaik. Secara praktisnya, BKNK akan membantu pasangan membawa tuntutan perceraian mereka ke Mahkamah Syariah dan pada masa yang sama BKNK juga akan membantu pasangan bermasalah melalui prosedur khidmat nasihat sebelum kes mereka dibawa ke Mahkamah Syariah. Berdasarkan tata cara

pengendalian aduan Mal di BKNK dapat dipecahkan kepada 5 tata cara utama iaitu; 1) Menerima Aduan Mal, 2) Menfailkan Aduan, 3) Memanggil yang mengadu dan yang kena adu (pasangan suami isteri), 4) Proses khidmat nasihat 5) Keputusan. Ini bertepatan dengan kenyataan (Sharifah Zaleha & Cederroth. S., 1997) menyatakan bahawa runding cara (khidmat nasihat keluarga) mempunyai fungsi terhadap masalah hubungan pasangan dalam perkahwinan dengan membantu mereka melalui prosedur runding cara sebelum kes mereka dibawa ke Mahkamah Syariah. Melalui prosedur yang teratur, pasangan yang menghadapi masalah dalam perkahwinan akan dapat mengenal pasti masalah antara mereka sehingga dapat mencapai satu situasi menang-menang (win-win situation) (Azizah dan et.al, 2018). Adapun tata cara pengendalian Aduan Mal di BKNK dirumuskan seperti berikut:

Jadual 3: Tata cara pengendalian Aduan

Menerima aduan Mal	Menfailkan Aduan	Memanggil yang mengadu dan yang kena adu (pasangan suami isteri)	Proses Khidmat Nasihat	Keputusan
Pasangan suami dan isteri hadir membuat aduan. (Memastikan suami bukan dari ABDB)	Aduan hendaklah lengkap dari yang mengadu dan yang kena adu (pasangan suami isteri)	Fail diedarkan kepada pegawai-pegawai khidmat nasihat	Pasangan hadir bersama atau berasingan	Menyemak dan memastikan keputusan bagi yang mengadu dan kena adu
Aduan mengenai masalah rumah tangga yang dihadapi pasangan dibuat dalam borang aduan yang disediakan.	Menyertakan dokumen peribadi	Menetapkan tarikh perjumpaan dan memaklumkan pasangan melalui surat atau dihubungi	Menjalankan sesi khidmat nasihat	Menyediakan laporan perjumpaan
Memastikan aduan lengkap dan ditanda tangan	Mencatatkan bilangan aduan ke dalam buku aduan dan sistem serta tarikh-tarikh yang penting.	Memastikan kehadiran yang mengadu dan kena adu	Perbincangan	Memastikan laporan lengkap dan jelas.

Berdasarkan carta alir pengendalian aduan di BKNK, setiap pasangan (pengadu dan yang di adu) akan menjalani setiap proses tata cara aduan Mal bermula daripada penerimaan aduan hinggalah keputusan diberikan. Maklumat pengadu dan yang di adu diperlukan apabila membuat aduan di

BKNK. Maklumat dan dokumen peribadi setiap pasangan adalah sangat penting kerana ia akan diteliti bagi kegunaan dan rujukan pegawai khidmat nasihat di BKNK. Sepanjang proses tersebut, pengendaliannya akan dibantu oleh pihak BKNK dan akan dilantik pegawai bagi menetapkan tarikh perjumpaan khidmat nasihat. Ini menunjukkan pegawai khidmat nasihat memainkan peranan penting dalam membantu pasangan bermasalah dalam proses tuntutan perceraian melalui khidmat nasihat keluarga. Ini adalah bertepatan dengan salah satu objektif BKNK untuk membantu orang ramai menghadapi tuntutan mereka hingga ke Mahkamah Syariah.

BKNK turut mempunyai garis panduan bagi perjumpaan bersama klien bermula daripada kehadiran klien hinggalah diakhiri dengan membaca doa dan majlis persuraian. Tata cara perjumpaan sesi khidmat nasihat dirumuskan dalam carta alir seperti berikut;

Rajah 3: Carta alir bagi tata cara perjumpaan sesi khidmat nasihat



Berdasarkan carta alir cara perjumpaan semasa sesi khidmat nasihat dijalankan, pegawai khidmat nasihat akan memastikan mendengar masalah pasangan terlebih dahulu kemudian akan memberikan jalan pertimbangan dan penyelesaian yang bersesuaian. Bimbingan seperti ini adalah bertepatan dengan tujuan kaunseling menurut perspektif Islam sepertimana dalam penulisan (Rifda El-Fiah, 2016), yang menyatakan empat tujuan kaunseling iaitu; pertama, membantu individu mengenalpasti

masalah yang dihadapi dalam krisis rumah tangga. Kedua, membantu individu untuk mencegah timbulnya masalah-masalah yang berkaitan dengan kehidupan rumah tangga (keluarga). Ketiga, membantu individu menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan pernikahan dan kehidupan berumah tangga. Terakhir, membantu individu memelihara keharmoniaan dan kerukunan rumah tangga.

Ini memperlihatkan matlamat sesi khidmat keluarga adalah bertepatan dengan matlamat kaunseling menurut perspektif Islam dalam memelihara kesejahteraan keluarga kerana ia mempunyai asas-asas bimbingan Islam sebagai pegangan seperti asas kebahagiaan dunia dan akhirat, asas *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah*, asas komunikasi dan musyawarah, asas sabar dan tawakal dan asas manfaat (kemaslahatan). Aspek-aspek inilah yang membawa kepada kemaslahatan masyarakat secara amnya dan secara tidak langsung memenuhi maksud Maqasid Syariah. Sepertimana dalam pernyataan Imam Al-Syatibi, kemaslahatan manusia dapat terealisasi apabila lima unsur pokok kehidupan manusia dapat diwujudkan dan dapat dipelihara, iaitu agama, jiwa, akal, keturunan, dan harta (Asy-Syatibi, t.th).

Adapun garis panduan ataupun tata cara pengendalian adalah sangat penting bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan kepada klien adalah sistematik. Menurut (Norhayati. A. dan et.al, 2008) dengan wujudnya proses kerja yang bersistematik dengan mempunyai kod etika pegawai runding cara khidmat nasihat keluarga akan mampu mempertingkatkan kualiti khidmat rundingcara.

3) Khidmat Nasihat menggunakan pendekatan berbentuk Islamik dan kemahiran berbentuk teori bagi menyelesaikan masalah rumah tangga.

Antara nasihat dan tips yang dikongsikan semasa khidmat nasihat nasihat dan bimbingan oleh BKNK adalah seperti mengajak pasangan untuk memperbanyakkan sembahyang sunat hajat, sembahyang sunat Istikharah, doa-doa, bacaan Surah seperti Surah Yassin, selawat seperti selawat *tafrijyah* untuk dipraktikan oleh pasangan yang mempunyai masalah rumah tangga. Menurut Ahmad Sameri metode dan teknik merupakan salah satu elemen penting dalam melaksanakan layanan bimbingan kaunseling Islam (Ahmad Samerin, 2019). Selain itu, terdapat juga beberapa kemahiran berbentuk teori dikongsikan seperti Teori Hierarki Keperluan Maslow dan Tingkap Johari. Menurut (Luft, J. 1969) Jendela

Johari (Johari Window) adalah konsep komunikasi yang diperkenalkan oleh Joseph Luft dan Harry Ingham. Ia juga disebut sebagai teori kesedaran diri mengenai perilaku mahupun fikiran yang ada dalam diri sendiri mahupun dalam diri orang lain. Teori ini digunakan untuk membantu orang dalam memahami hubungan antara dirinya sendiri dan orang lain. Ini bertepatan dengan kajian (Suhaya, 2017) berpendapat bahawa pendekatan kaunseling Barat boleh membantu individu menghadapi masalah. Dapatlah disimpulkan bahawa pendekatan agama dan spiritual berorientasikan Islam digunakan semasa sesi khidmat nasihat dan kaunseling adalah berkisar kepada pengamalan ibadah dalam Islam, membuang sifat-sifat *mazmumah* (buruk) dan mengisinya dengan sifat-sifat *mahmudah*. Sepertimana dalam (Ahmad Samerin, 2019) menyatakan dalam kajiannya bahawa metode dan teknik merupakan salah satu elemen penting dalam melaksanakan layanan bimbingan kaunseling Islam. Begitu juga menurut (Karmawan, 2019) menyatakan bahawa pendekatan berbentuk keagamaan adalah berkesan dalam menyelesaikan perselisihan rumah tangga. Ini kerana penerapan nilai agama merupakan perkara lebih penting untuk mendamaikan pasangan dan ia juga mampu membuka hati pasangan untuk menjalankan rumah tangga dengan lebih baik.

4) Menjalankan kursus dan program kekeluargaan sebagai cara penyelesaian krisis rumah tangga.

Program-program, seminar, bengkel, forum dan kursus telah dikendalikan oleh BKNK sebagai cara penyelesaian krisis rumah tangga. Antara program yang dijalankan dalam usaha untuk membina sebuah keluarga yang bahagia dengan berlandaskan kepada ajaran Islam adalah program Nadwah Muslimah. Antara tujuannya adalah untuk memberikan kefahaman dan kesedaran serta peranan mereka khususnya para muslimah dalam membentuk keluarga Sakinah. Di samping peka akan ancaman dan perkara-perkara negatif yang boleh mencalar kebahagiaan rumah tangga (termasuklah penderaan emosi dan fizikal).

Melalui nadwah muslimah ini juga, para Muslimah khususnya dihasrat mampu mengatasi masalah dalam rumah tangga kerana jika ia tidak diambil perhatian, maka ia boleh mendatangkan kesan yang buruk kepada anak-anak dan menimbulkan pelakuan yang tidak diinginkan seperti terlibat dalam gejala sosial, dadah dan sebagainya. BKNK tidaklah bersendirian dalam menjalankan program ini, mereka telah berkerjasama dan berkolaborasi bersama Bahagian Keluarga, Wanita dan kanak-kanak & Kaunseling Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) bagi

menjayakan lagi program yang dijalankan (Yusrin Junaidi, 2019). Inisiatif-inisiatif ini digerakkan adalah sebagai satu usaha untuk mengurangkan permasalahan dalam rumah tangga.

Selain itu, Kursus Pra Nikah merupakan satu kursus yang telah dilaksanakan untuk membekalkan ilmu berkaitan rumahtangga kepada pasangan-pasangan yang bakal mendirikan rumah tangga. Menurut (Senediak, 1990), program pra perkahwinan ditakrifkan sebagai prosedur berbentuk latihan yang berasaskan pengetahuan dan kemahiran, tujuannya adalah untuk menyampaikan maklumat tentang cara-cara memperkukuhkan hubungan pasangan setelah mereka berkahwin. Ini bertepatan dengan kajian (Carrol & Doherty, 2003) yang menyatakan bahawa intervensi pra perkahwinan sangat berkesan dalam membantu pasangan yang akan berkahwin dalam pelbagai aspek.

Manakala Kursus Pasca Perkahwinan dilaksanakan bagi mereka yang sudah mendirikan rumah tangga. Adapun tujuan Kursus Pasca ini diadakan adalah bagi mendokong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Awal Tahun Masehi 2002:

"... Institusi Kekeluargaan Islam adalah lebih tepat untuk menjadi asas pembinaan masyarakat..."

BKNK juga telah mengendalikan beberapa pelan strategik kursus Program Pembangunan Keluarga Islam JHES dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar. Tujuan Kursus Pasca Perkahwinan ini dikendalikan untuk meningkatkan dan mengukuhkan jalinan persefahaman, kepimpinan serta kewibawaan sesebuah institusi keluarga. Antara sasaran peserta yang menyertai kursus ini adalah pasangan yang telah berkahwin 3 tahun ke atas. Pegawai Daerah Temburong dalam ucapannya menjelaskan punca yang mendorong terjadinya permasalahan dalam rumah tangga di daerah Temburong antaranya tiada persefahaman di antara suami isteri, pengabaian tanggungjawab/nafkah serta curang kepada pasangan iaitu mempunyai hubungan luar dan keganasan.

Oleh itu, Kursus Pasca Perkahwinan ini diharap akan dapat menjadi wadah perbincangan bagi membina sebuah keluarga yang harmoni seperti yang telah ditekankan dalam pendekatan Islam serta menjana sahsiah peribadi yang unggul sebagai ayah dan ibu dalam pendidikan anak-anak (Hezlinawati, 2016). Manakala di Daerah Tutong

Kursus Pasca Perkahwinan berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong. Seramai 22 pasangan telah menyertai Kursus tersebut anjuran bersama BKNK, JHES dan Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong. Kali pertama kursus ini diadakan adalah pada 15 Oktober 2012 hingga 17 Oktober 2012 di Daerah Brunei dan Muara merupakan 'Pilot Kursus'. Terma 'Pilot Kursus' bermaksud peringkat percubaan iaitu kursus yang dijalankan pada ketika itu masih dalam peringkat percubaan untuk melihat sejauh mana sambutan orang ramai terhadap kursus yang dijalankan tersebut. Melihat kepada sambutan menggalakan dari orang ramai dari Pilot Kursus Pasca tersebut, maka kursus tersebut dilaratkan ke Daerah Tutong, Daerah Temburong dan Brunei dan Muara. Dalam kajian (Siti Marziah dan et.al., 2019), kajian beliau menegaskan bahawa walaupun tempoh usia perkahwinan pasangan telah lama, seharusnya pasangan perlu terus mengikuti kursus seperti kursus Pasca Perkahwinan dan bengkel untuk mengukuhkan kualiti perkahwinan bagi mengelakkan daripada berlakunya perceraian. Berikut dinyatakan statistik pasca perkahwinan statistik jumlah pasangan/ peserta mengikuti kursus daripada pihak BKNK;

Jadual 4: Jumlah kursus diadakan di setiap daerah dan Jumlah pasangan/peserta mengikuti kursus pasca perkahwinan (2012-2015)

TAHUN	BRUNEI/MUARA	BELAIT	TUTONG	TEMBURONG	JUMLAH
2012	1	0	0	0	1
2013	2	0	0	0	2
2014	0	1	1	0	2
2015	1	0	0	1	2
Jumlah	4	1	1	1	7

TAHUN	BRUNEI/MUARA	BELAIT	TUTONG	TEMBURONG	JUMLAH
2012	13 pasangan	0	0	0	24 peserta
2013	22 pasangan	0	0	0	44 peserta
2014	0	15 pasangan	18 pasangan	0	66 peserta
2015	17 pasangan	0	0	22 pasangan	78 peserta
JUMLAH	52 pasangan	15 pasangan	18 pasangan	22 pasangan	214 peserta

Sumber: Bahagian Khidmat Nasihat keluarga (BKNK)

Menurut kenyataan pegawai BKNK menerusi laporan dokumen yang telah dikongsikan, Kursus Pasca Perkahwinan hanya dapat dilaksanakan setakat tahun 2015 sahaja dan belum disambung lagi atas faktor-faktor tertentu. Akan tetapi semasa penularan wabak Covid-19 pada tahun 2021, BKNK telah melaksanakan Kursus Pasca Perkahwinan secara atas talian, Webinar Kursus tersebut dilaksanakan selama dua hari iaitu pada 20 hingga 21 Disember. Beberapa kertas kerja telah dibentangkan daripada beberapa pihak termasuklah pihak JAPEM, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), BKNK dan lain-lain. Manakala, sasaran peserta hanya terhad kepada 25 pasangan sahaja serta sudah berkahwin tiga tahun ke atas (Yusrin Junaidi, 2021). Ini memperlihatkan BKNK terus berusaha membimbing dan bergiat aktif dalam mengukuhkan hubungan pasangan yang telah berkahwin di negara ini dengan mengadakan Kursus Pasca Perkahwinan, walaupun program tersebut dijalankan bukan secara fizikal.

Secara rasionalnya, melalui kursus tersebut akan dapat memberi ilmu pengetahuan, pengalaman, tips dalam pelbagai sudut mencakupi penghayatan keagamaan dalam berkeluarga, kesihatan, undang-undang keluarga yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam dan juga aspek kewangan. Selain itu juga, ianya dapat memberi kesedaran dan motivasi tentang tanggungjawab dan peranan ibu bapa yang sebenar bagi mewujudkan sebuah keluarga bahagia (Dk. Vivy, 2021).

6.0 CADANGAN

Kajian ini mencadangkan untuk mewujudkan kursus pasca perkahwinan bagi pasangan yang telah berkahwin melebihi tempoh 10 tahun ke atas, bagi mengukuhkan lagi institusi kekeluargaan dan mengurangkan kadar perceraian pasangan Islam di negara ini. Oleh kerana program yang telah diadakan oleh pihak BKNK lebih menjurus kepada pasangan yang sudah berkahwin bagi tempoh 3 tahun, maka pengkaji merasa program Pasca Perkahwinan tersebut perlu diteruskan dan diperluaskan kepada sasaran peserta yang menyertai kursus, iaitu bagi pasangan yang telah berkahwin 10 tahun ke atas. Program ini bolehlah dikendalikan secara berfasa berdasarkan usia perkahwinan mereka iaitu 1 hingga 5 tahun, 6 hingga 10 tahun, 11 hingga 20 tahun dan 20 tahun ke atas. Pengkaji menyarankan pihak BKNK untuk memberi penekanan kepada pasangan yang telah melebihi 10 tahun, ini kerana jika melihat kepada jumlah kadar perceraian yang berlaku di Negara Brunei Darussalam mengikut tempoh perkahwinan adalah seperti berikut;

Jadual 5: Statistik perceraian islam mengikut tempoh perkahwinan

Tahun	<1	01	02	03	04	05	06	07	08	09	10-14	15-19	20>
2011	17	16	30	26	23	25	31	28	34	20	95	65	49
2012	4	17	22	33	28	42	28	25	35	36	130	64	73
2013	9	18	26	37	34	28	34	31	26	24	96	62	44
2014	5	18	19	37	32	36	27	36	26	20	93	62	81
2015	15	16	31	34	36	33	39	25	23	26	105	64	77
2016	5	27	31	37	39	33	40	43	39	23	93	73	83
2017	9	18	30	49	45	47	49	26	29	39	108	89	92
2018	2	13	24	44	38	42	37	32	37	25	107	66	77
2019	8	23	34	28	39	52	43	37	30	28	117	85	93
Jumlah	74	167	249	328	318	343	334	290	287	250	944	630	669
Peratus (%)	1.52	3.42	5.10	6.72	6.51	7.02	6.84	5.93	5.88	5.12	19.3	12.90	13.70

Sumber: Statistik Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri

Berdasarkan jadual 5, perceraian telah banyak berlaku dalam kalangan masyarakat Islam terutama pasangan yang telah berkahwin dalam tempoh yang melebihi 10 tahun, khususnya dalam lingkungan tempoh perkahwinan 10 hingga 14 tahun iaitu sebanyak 19.3%. Manakala, tempoh perkahwinan kurang daripada satu tahun, telah mengalami kadar perceraian paling rendah iaitu dengan kadar 1.52%. Adapun perceraian bagi tempoh perkahwinan yang telah melebihi 20 tahun telah menunjukkan kadar perceraian kedua tertinggi dengan kadar 13.70%. Manakala tempoh perkahwinan 2 hingga 9 tahun, menunjukkan kadar perceraian yang tidak sekata bermula daripada kadar 5.10% hingga 5.12%, ini memperlihatkan pasangan yang bercerai dalam jangka masa tempoh tersebut, tidaklah terlalu banyak dan tidak pula terlalu sedikit. Berdasarkan jadual, fenomena perceraian boleh berlaku dalam jangka masa tempoh perkahwinan yang panjang dan pendek, hatta tempoh perkahwinan di bawah satu tahun boleh berlaku perceraian. Akan tetapi, perkahwinan yang telah lama dibina lebih ketara menunjukkan jumlah perceraian yang

tinggi berbanding pasangan yang baru saja melangkah ke alam perkahwinan. Dalam hal ini, BKNK perlu peka dengan corak dan arah aliran (*trend*) perceraian yang berlaku di kalangan masyarakat Brunei. Dengan cara ini, BKNK akan dapat bergiat aktif dengan mengadakan program pengukuhan kesejahteraan keluarga khusus bagi pasangan yang sudah berkahwin melebihi tempoh 10 tahun. Program-program pasca perkahwinan bolehlah diadakan dalam bentuk forum, seminar, bengkel, ceramah untuk mengurangkan kadar perceraian. Mengadakan Kursus Pasca Perkahwinan perlu dipertimbangkan oleh pihak BKNK sebagai langkah proaktif mengatasi arah aliran (*trend*) perceraian selepas berkahwin di negara ini.

7.0 KESIMPULAN

Perkhidmatan Nasihat Keluarga memainkan peranan penting kepada masyarakat terutamanya yang sudah berkeluarga, masalah yang telah terjadi akan dapat dikesan dan diatasi pada peringkat awal. Seterusnya akan dapat mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan diri diantara suami isteri. Kepentingan Khidmat nasihat ini juga akan dapat membantu membina sebuah keluarga yang bahagia dan mampu menyelesaikan krisis atau sengketa secara baik dan teratur. Bahagian ini telah berusaha memainkan perannya dalam usaha untuk mengendalikan krisis rumah tangga dengan memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai masalah perceraian dan krisis rumah tangga sejak awal lagi iaitu sebelum berkahwin melalui Kursus Pra Nikah. Manakala, pemantapan pasca perkahwinan dengan mengadakan beberapa seminar dan program kekeluargaan untuk membina institusi keluarga islam yang harmoni dan menitikberatkan hak dan kewajipan suami isteri. Seterusnya, sehinggalah ke peringkat sebelum pasangan bercerai akan diberikan khidmat nasihat keluarga untuk mencapai perdamaian. Kesimpulannya, strategi BKNK dalam menguruskan krisis rumah tangga adalah merangkumi daripada peringkat awal sebelum berkahwin sehinggalah pasangan menghadapi krisis rumah tangga. Hakikatnya kebolehpayaan dan kejayaan BKNK mendamaikan pasangan merupakan satu pencapaian yang terhasil daripada keberkesanan pengurusan krisis rumah tangga.

Berdasarkan penerangan isu yang telah dikupas, sudah sampai masanya sebuah agensi berlandaskan agama Islam membuat anjakan paradigma ke arah perkhidmatan awam yang terulung dalam memainkan fungsi dan peranan organisasi diwujudkan. Penulisan ini dibentangkan

bagi tujuan penambahbaikan sistem pentadbiran dan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap sistem penyampaian agensi ini.

BIBLIOGRAFI

- Abu Zahrah (1957). *Al-Ahwal al-Syakhsiyyah al-Urduni*. Jordan: Dar al-Nafa'is li Nasyr wa al-Tawzi'.
- Ahmad, N., Mansor, N. H., Ahmad, R., & Noor, S. S. (2008). Peranan, Proses Kerja & Tanggungjawab Kaunselor Di Jabatan Agama Islam Dalam Menangani Masalah Kekeluargaan. *Seminar Kaunseling Keluarga*.
- Ahmad Samerin. (2019). Bimbingan Konseling Islam untuk Mengatasi Depresi di Hospital Bintulu Malaysia. *Anida (Aktualisasi Nuansa Ilmu Dakwah, 19(2))*.
- Asy-Syatibi. (t.th). *Al-Muwafaqat fi Ushul al-Syar'iah*. Jilid 2. Kairo: Musthafa Muhammad
- Azizah M. R., Nur Zulfah M. A., Zanariah D., Hammad Mohammad, D., Zaini Yusnita. J. (2018). Konsep kajian amalan rundingcara keluarga di Jabatan Agama Islam Negeri-negeri di Malaysia: Tinjauan terhadap keperluan modul khusus. *Kertas Kerja International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018)*. Putrajaya.
- Azrin Ibrahim. (2017). Kepentingan Hisbah dan Amalannya di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*.
- Al-Baihaqi, Abi Bakr Ahmad b. Al-Husayn. (1990). *Syub'ban al-Imam Kitab al-Mu'jam, Bab Fi HuQúq al-Awliid Wa al-Ahliyyin*. Jilid 6. Beirut: Darr Kutub al-Alamiyyah.
- Capuzz, D., & Gross, D. (1991). *Introduction to Counseling: Perspectives for the 1990s*. Boston: Allyn & Bacon.
- Carrol, J.S dan Doherty, W.J. (2003). Evaluating The Effectiveness of Premarital Prevention Programs: A meta-analytic Review of Outcome Research. *Family Relation*. 52
- Dk Vivy. (2021). *Pelita Brunei E-Paper*. Terbitan Jabatan Penerangan. Retrieved November 12, 2021
- Freire, P. (1970). *The pedagogy of the oppressed*. New York: Seabury Press.
- Al-Ghazali. (t.th). *Terjemahan Ihya Ulummuddin Menghidupkan Kembali Ilmu-Ilmu Agama* (Vol. Jilid 3). Jakarta: Republika.
- Al-Hasib, Radwan. (1990). *Dirasat fi al-Hisbah min al-Nahiyatayn al-Tarikhiyat wa al-Fiqhiyat*. Qaherah: al-Matba'at al-Islamiyyat al-Hadithat.

- Hezlinawati. (2016). Kursus Pasca Perkahwinan kukuhkan persefahaman rumahtangga. Pelita Brunei E-Paper. *Terbitan Jabatan Penerangan*. Diperolehi pada November 12, 2021.
- Ikram Nokman. (2021). Membangkitkan Keluarga Sejahtera di ABDB. *Seminar Mu'tamar Antarabangsa Fiqh al-Ushrah (Muafiq)*. Brunei.
- Al-Jauziyyah, Ibn Qayyim. (2008). *Zad al-Ma'ad*. Jilid 5. Jakarta: Pustaka al-Kaitsar.
- Al-Juwayni. (1979). *Ghiyāth al-umam fī iltiyāth al-zulam*. (Ed. Ahmad Fu'ad 'Abd al-Mun'im). Al-Iskandariyyah: Dar al-Da'wah.
- Jones, P., & Meleis, A. (1993). Health is empowerment. *Advances in Nursing Sciences*, 15(3), 1-14.
- Kausyliene, A., CikataVICIENE, Z., & Leliugiene, L. (2015). The Need of Professional Social Support of The Families Undergoing Divorce. *Social Welfare: Interdisciplinary Approach*(1).
- KHEU. (2021, September 23). *Khidmat Nasihat Keluarga Mengenal BKNK*. Diperolehi dari <http://www.kheu.gov.bn/SiteCollectionDocuments/BKNK/Mengenal%20BKNK.pdf>
- KHEU. (2021, September 23). *Sekilas Mengenai BKNK JHES KHEU berkaitan permohonan/pendaftaran kursus pra nikah kepada bakal-bakal pengantin*. Diperolehi dari <http://www.kheu.gov.bn/SiteCollectionDocuments/BKNK/Perkhidmatan%20Permohonan%20Kursus%20Pra%20Nikah.pdf>
- KHEU. (2021, September 23). *Struktur Organisasi BKNK*. Diperolehi dari <http://www.kheu.gov.bn/SitePages/Struktur%20Organisasi.aspx>
- Luft, J. (1969). *Of Human Interaction*. Palo Alto, CA: Mayfield Publishing.
- Al-Mawardi. (t.th). *Al-Nukat wa al-Uyun Tafsir al-Mawardi*. Beirut: Dar al-Kutb al-'Ilmiyyah.
- Mardzelah, M. (2008). *Sistem Pengurusan dan Etika Pengurusan Islam*. Sintok: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Mat Saad. (1993). *Undang-undang Keluarga Islam: Aturan Perkahwinan; Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*. Shah Alam: Hizbi.
- Rifda El-Fiah. (2016). Konseling Keluarga Dalam Perspektif Hukum Islam. *Analisis XVI*.
- Senediak, C. (1990). The value of premarital education. *The Australian and New Zealand Journal of Family Therapy*, 11(1).
- Al-Syafi'i, Al-Imam Abi Abdullah Muhammad bin Idris. (t.th). *Al-Umm*. Juz v. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

- Sharifah Zaleha & Cederroth. S. (1997). *Managing Marital Disputes in Malaysia: Islamic Mediators and Conflict Resolution in the Syariah Courts*. . London: Curzon Press Ltd.
- Sayyid Sabiq. (1970). *Fiqh al-Sunnah*. Kairo: Maktabah al-Turas.
- Siti Marziah Zakaria, Asila Nur Adlynd binti Mohd Shukry dan Salina Nen. (2019). Persepsi Mengenai Kualiti Perkahwinan dalam Kalangan Pasangan Muda di Selangor (Usia Perkahwinan 1-10 Tahun). *Proceeding The 1st International Language, Culture and Education Conference 2019*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yatimah Sarmani. (2005). Pendekatan Kaunseling Islam Satu Analisis Kualitatif Model Kaunseling Berasaskan Sifat-Sifat Manusia oleh Imam Al-Ghazali. Universiti Teknologi Malaysia.
- Yusrin Junaidi. (2019, Oktober 15). Bentuk Keluarga Bahagia. *Media Permata*. Brunei.
- Yusrin Junaidi. (2021, Disember 17). Webinar Kursus Pasca Perkahwinan. *Media Permata*. Brunei. Diperolehi pada Februari 22, 2021, <https://mediapermata.com.bn/webinar-kursus-pasca-perkahwinan-20-disember-ini/>; Pada 22 Februari 2022.